



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2024**

**LOKASI / TARIKH / MASA**

**GRAND BALLROOM, SUNWAY PUTRA HOTEL  
3 DISEMBER 2024 (SELASA)  
3.50pm**

*Kemaskini 2 Disember 2024*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

1. **Alhamdulillah**, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini untuk **MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA PERINGKAT KEBANGSAAN 2024.**

2. Tanggal 3 Disember merupakan tarikh penting untuk semua Orang Kurang Upaya, bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia kerana pada tarikh ini, kita menyambut Hari Orang Kurang Upaya atau ringkasnya, Hari OKU.

3. Salah satu fokus utama dalam agenda OKU di peringkat global adalah untuk mengembangkan peranan dan kepimpinan OKU. Ramuan yang paling penting bagi mencapai agenda ini adalah memastikan penyertaan atau *participation*, perwakilan atau *representation* dan keterangkuman atau *inclusion* supaya OKU dapat terlibat secara aktif untuk membentuk kehidupan mereka sendiri.

4. Oleh itu, tujuan sambutan Hari OKU di seluruh dunia adalah untuk memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada kemampuan dan sumbangan golongan OKU kepada masyarakat.

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

5. Tema Hari OKU di peringkat antarabangsa pada tahun ini ialah *Amplifying the Leadership of Person with Disabilities for an Inclusive and Sustainable Future*.

6. Malaysia menyahut usaha masyarakat antarabangsa untuk mengetengahkan dan mengiktiraf kepimpinan golongan OKU dan selaras dengan itu, tema Hari OKU di Malaysia pada tahun ini adalah **“Memperkasa Intipati Kepimpinan Golongan Kurang Upaya Demi Masa Depan Yang Lebih Inklusif dan Mampan”**.

7. Tema ini bertepatan dengan keperluan semasa. Kita perlu memastikan masa depan yang inklusif dan mampan untuk golongan OKU kerana jumlah mereka bukanlah kecil. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan 1.3 bilion orang atau kira-kira 16% daripada penduduk dunia adalah kurang upaya. Di Malaysia pula, seramai 691,630 OKU berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga 31 Januari 2024. Jumlah ini adalah 2% daripada 34 juta orang rakyat Malaysia.

8. Oleh itu, perhatian serius perlu diberikan kepada keperluan OKU dengan **melibatkan pemimpin dalam kalangan mereka sendiri supaya pelan tindakan dan inisiatif yang diperkenalkan Kerajaan memenuhi keperluan sebenar OKU dan dapat benar-benar meningkatkan kebajikan serta kesejahteraan mereka.**

9. Kehadiran puan-puan dan tuan-tuan semua dalam majlis ini menguatkan keyakinan saya bahawa pihak Kementerian sentiasa mendapat sokongan tidak berbelah bahagi serta kerjasama penuh daripada semua pihak dalam memelihara kepentingan OKU.

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

**KESEJAHTERAAN OKU MELALUI BELANJAWAN MADANI**  
**2025**

## ***Penubuhan Pusat Perkhidmatan Autisme***

10. Golongan OKU sentiasa diberi perhatian oleh pihak Kerajaan. Dalam pembentangan belanjawan tahun 2025 baru-baru ini, Kerajaan telah mengumumkan **peruntukan sebanyak RM5 juta** bagi penubuhan sebuah **pusat perkhidmatan autisme** bagi manfaat komuniti autisme di negara ini.

11. Pusat perkhidmatan autisme ini merupakan intervensi utama Kerajaan untuk memastikan individu autisme mendapat tempat dalam masyarakat selain membantu ibu bapa dan penjaga OKU autisme dalam hal penjagaan dan asuhan.

## ***Bantuan Yuran Pembelajaran Anak-Anak OKU Autisme***

12. Selain itu, Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM15 juta kepada Kementerian ini untuk Bantuan Yuran Pembelajaran Anak-Anak Autisme bagi meringankan beban tanggungan ibu bapa yang layak.

13. Bantuan ini bagi memastikan anak-anak autisme mampu mendapat peluang untuk belajar dengan menghadiri kelas khusus buat mereka, yang selalunya melibatkan kos lebih tinggi dan tidak mampu dibiayai oleh semua ibu bapa terutama yang berpendapatan rendah. Dijangka seramai 30 ribu anak-anak OKU autisme akan menerima manfaat ini pada tahun hadapan.

## ***Peningkatan Bantuan Kepada OKU***

14. Secara keseluruhannya, komuniti OKU menerima peruntukan sebanyak RM1.3 bilion di bawah Belanjawan 2025 berbanding RM1.2 bilion tahun ini. Antara inisiatif penting yang dicadangkan ialah peningkatan syarat kelayakan gaji bagi penerima Bantuan Elaun Pekerja OKU daripada RM1,500 kepada RM1,700. Ini bertujuan untuk memberikan lebih banyak sokongan kepada mereka yang bekerja dalam sektor formal.

15. Kementerian amat menghargai peningkatan peruntukan khusus untuk OKU dan ini juga sebenarnya adalah hasil usaha dan kerja keras pelbagai agensi bukan sahaja di bawah KPWKM tetapi agensi kerajaan lain serta badan bukan kerajaan (NGO) yang tidak pernah kenal erti penat dalam memperjuangkan keperluan komuniti istimewa ini. Jelas sekali, suara kita didengari oleh kepimpinan tertinggi negara yang sentiasa prihatin dengan keperluan semua kumpulan masyarakat termasuklah OKU.

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

**PEMBANGUNAN MODUL ASUHAN DAN JAGAAN OKU**

16. Jika kita melihat statistik terkini, terdapat peningkatan bilangan pendaftaran OKU Pembelajaran. Untuk tahun 2024, sehingga 31 Oktober sahaja, OKU Pembelajaran berdaftar adalah seramai 289,161 orang, iaitu 26,878 orang lebih ramai berbanding bilangan OKU Pembelajaran pada keseluruhan tahun 2023 iaitu 262,283 orang.

17. Secara positifnya, ia memberikan petanda baik iaitu lebih ramai ibu bapa ada kesedaran untuk mendaftarkan anak sebagai OKU Pembelajaran dan ini akan membantu menghapuskan stigma berkaitan anak OKU.
18. Namun ia juga bermakna Kerajaan perlu memastikan satu modul atau garis panduan yang ampuh dibangunkan untuk melindungi, menyantuni dan memperkasakan golongan ini.

19. Oleh itu, KPWK M telah pun menjalinkan pelbagai kerjasama strategik dengan universiti untuk membangunkan Modul Asuhan dan Jagaan Kanak-Kanak OKU supaya keperluan khusus kanak-kanak OKU dapat dipenuhi untuk memastikan mereka tidak tercicir dari dunia arus perdana.
20. Bagi pembangunan modul ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang bertanggungjawab ke atas perkara berkaitan asuhan dan jagaan kanak-kanak OKU telah bekerjasama dengan 3 universiti iaitu:

- i. **Universiti Sains Malaysia (USM)** untuk Pembangunan Modul Asuhan dan Jagaan Kanak-Kanak OKU Pembelajaran yang Generik;
- ii. **Universiti Malaya (UM)** untuk Pembangunan Modul Asuhan dan Jagaan Kanak-Kanak OKU Autisme; dan
- iii. **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)** untuk pembangunan Modul Asuhan dan Jagaan Kanak-Kanak OKU – *Sindrom Down*.

21. Di kesempatan ini saya juga ingin mengajak ibu bapa untuk mendaftar anak OKU. Pendaftaran ini penting kerana data ini akan digunakan untuk perancangan pembangunan jangka panjang kerajaan untuk masyarakat OKU.

22. Selain itu, nak-anak yang tidak berdaftar sebagai OKU akan ketinggalan daripada mendapat pelbagai manfaat yang disediakan Kerajaan untuk mereka. Saya seru supaya ibu bapa untuk buang jauh-jauh rasa segan atau malu untuk daftarkan anak OKU. Kita sama-sama padamkan stigma berkaitan OKU.

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

**PENGIKTIRAFAN KECEMERLANGAN MELALUI ANUGERAH  
OKU**

23. Kita tahu golongan OKU ini amat luar biasa. Kecekalan dan keazaman mereka yang tinggi dalam mengharungi pelbagai cabaran kehidupan perlu dijadikan inspirasi oleh semua masyarakat.

24. Pada hari ini, sempena Sambutan Hari OKU, kita meraikan 13 individu yang telah menyumbang kepada negara dan merekodkan kejayaan cemerlang dalam 9 kategori dalam pelbagai bidang.
25. Anugerah ini bertujuan mengiktiraf sumbangan golongan OKU kepada masyarakat serta memperkukuh kerjasama antara Kerajaan, sektor swasta, dan pertubuhan bukan kerajaan. Penilaian dibuat berdasarkan kriteria Jabatan

Kebajikan Masyarakat (JKM), yang mengambil kira keunikan dan kepentingan setiap kategori anugerah.

26. Tahniah saya ucapkan kepada semua penerima anugerah pada hari ini. Selain sebagai pengiktirafan kepada pencapaian golongan OKU, ia juga diharapkan menjadi pembakar semangat dan menjadi sumber inspirasi kepada seluruh masyarakat agar bersama-sama menyokong agenda pemerkasaan OKU di negara ini.

## **PENUTUP**

27. Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada semua pihak yang telah berkerja keras untuk menjayakan Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan 2024 ini.

28. Sehubungan itu, saya berharap agar sambutan seumpama ini dapat meningkatkan kesadaran dan membentuk masyarakat MADANI terhadap golongan OKU, utamanya dari segi hak, peluang dan akses yang sama dalam masyarakat, dan mereka tidak merasa tersisih serta dapat turut menyumbang kepada pembangunan negara.
29. Akhir kata, selamat menyambut Hari Orang Kurang Upaya.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**  
**3 Disember 2024**